

Kelab Pendidikan JPWPL Sesi 2024/2025



Labuan, 11 Januari 2024 – Perjumpaan Pengarah Pendidikan bersama Ahli Jawatan kuasa Kelab Pendidikan (KelPen) Sesi 2024/2025 diadakan pagi tadi di Bilik Mesyuarat Botanikal, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan dalam suasana penuh harmoni.

Dalam ucapannya, YBrs. Tuan Hj Abidin Marjan mengharapkan agar 145 warga pendidikan yang merupakan ahli KelPen dapat bersama-sama bersatu hati dalam menyokong dan menjayakan aktiviti yang dirancang oleh KelPen. Antara fokus utama KelPen ialah mengeratkann hubungan silaturrahim di kalangan ahli melalui acara hari keluarga, aktiviti ziarah menziarahi dan bersukan.

“Aktiviti lawatan dapat merapatkan hubungan silaturrahim sesama ahli. Tidak kisahlah kita melawat

dengan kawan mahupun keluarga, di dalam ataupun di luar negara yang pasti hubungan yang terjalin antara kita akan menjadi lebih rapat dan mesra lagi” ujarinya lagi.

Dalam majlis tersebut turut disampaikan surat lantikan ahli jawatankuasa berkuatkuasa pada 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2025 yang dipengerusikan oleh Puan Suriani Allan Rice Oxley.

Beliau cukup yakin barisan jawatankuasa yang baharu dilantik dapat melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang diberikan ini secara professional dengan penuh komitmen, cekap dan berkesan dan seterusnya dapat meningkatkan prestasi jabatan ini.

Berita Oleh : Kelab Pendidikan JPWPL



Tuan Haji Abidin menyampaikan amanat kepada AJK KelPen

Puan Suriani menerangkan aktiviti KelPen

AJK begitu tekun mendengar amanat daripada Tuan Pengarah

Puan Kamariah Salim, Timbalan Pengerusi KelPen menerima surat pelantikan daripada Tuan Pengarah

Encik Mohd Khairul Rizal, menerima surat pelantikan sebagai bendahari daripada Tuan Pengarah



Puan Suriani Allan Rice Oxley, Pengerusi KelPen menerima

surat pelantikan daripada Tuan Pengarah